

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN BANTUAN BAKA TERNAKAN DARIPADA  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SEMBILAN (JPVNS)**

1. Warganegara Malaysia.
2. Berumur di antara **18 tahun – 50** tahun sewaktu memohon.
3. Pemohon telah mengusahakan projek ternakan sekurang-kurangnya **satu (1) tahun**.
4. **Jumlah minimum populasi ternakan pemohon yang layak memohon bantuan ternakan/peralatan berkaitan ternakan adalah seperti berikut**
  - a. Lembu pedaging : 10 ekor
  - b. Lembu Tenusu : 5 ekor
  - c. Kambing : 10 ekor
  - d. Bebiri : 10 ekor
5. Pemohon yang mengusahakan bidang ternakan di atas **tanah sendiri** hendaklah mengemukakan **salinan geran tanah**.
6. Bagi pemohon yang mengusahakan bidang ternakan di atas **tanah secara sewaan/pajakan**, hendaklah mengemukakan salinan **Perjanjian Sewaan /Pajakan**.
7. Bagi pemohon yang mengusahakan bidang ternakan di atas **tanah milikan bersama** hendaklah mengemukakan **Surat Kebenaran** daripada semua **penama** bersama dalam geran.
8. **Penternakan dijalankan secara sistematik (intesif/semi-intensif)** iaitu sama ada sistem breedlot/fidlot/ragutan berpusingan/ ragutan terkawal (sistem pagar elektrik) bagi mempastikan makanan ternakan mencukupi. Sistem penternakan secara lepas bebas dikira sebagai tidak memenuhi syarat minimum permohonan.
9. Pemohon atau ahli keluarga yang **telah menerima bantuan** daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (**JPVNS**) dalam tempoh **3 tahun sebelum permohonan ini diterima** adalah **tidak layak** dipertimbangkan.
10. Permohonan bantuan baka ternakan adalah bersifat geran padanan (*matching grant*). Oleh itu, pemohon akan dikenakan bayaran sebanyak 30% daripada harga perolehan setiap seekor ternakan yang diluluskan. Baki 70% akan ditanggung oleh pihak Kerajaan.
11. Pemohon **TIDAK PERLU** memulangkan semula ternakan yang telah dibeli (30%), **TETAPI**, pemohon yang telah Berjaya dalam permohonan **TIDAK BOLEH MENJUAL**

**TERNAKAN YANG DITERIMA** dalam tempoh **3 TAHUN** dari tarikh ternakan diterima.

12. Ternakan yang diterima **BOLEH DILUPUSKAN** dengan kaedah **SEMBELIH / TAKAI** sekiranya terdapat isu **penyakit** yang telah **disahkan** terlebih dahulu oleh **Ketua Bahagian Kesihatan JPVNS**.
13. Pemohon hendaklah akur dan sedia memberikan kerjasama kepada pihak Jabatan dalam program surveyan dan kawalan penyakit kebangsaan bagi tujuan mengawal penularan penyakit ternakan dan penyakit zoonotik.
14. Setiap pemohon perlulah mengisi dan melengkapkan borang permohonan bantuan yang disediakan oleh JPVNS dan dihantar ke Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah terdekat mengikut alamat ladang / premis pemohon.
15. Permohonan akan diluluskan / ditolak oleh Jawatankuasa Bantuan Peralatan dan Input Ternakan (JBPI) dan keputusan rasmi akan dimaklumkan secara bersurat dalam tempoh 2 minggu selepas JBPI bersidang.
16. JBPI akan bersidang setiap 3 bulan (minimum) dan mesyuarat akan diadakan lebih kerap sekiranya terdapat keperluan.
17. JBPI mempunyai kuasa penuh bagi memberi syor-syor jenis bantuan berlainan daripada apa yang dinyatakan pemohon, tertakluk kepada laporan lawat siasat pegawai penilai permohonan serta berdasarkan keperluan yang dirasakan lebih utama kepada pemohon.
18. Antara bantuan yang ditawarkan oleh Jabatan di bawah program ini adalah seperti berikut:-
  - i) Baka lembu pedaging (Jantan dan betina)
  - ii) Baka lembu tenusu (Jantan dan betina)
  - iii) Kambing (Jantan dan betina)
  - iv) Bebiru (Jantan dan betina)